



ZAINAL ABIDIN MUSA bersama karya menariknya.

# Kedamaian

## pada karya Zainal Abidin Musa

OLEH ANI AWANG  
GAMBAR RAJA JAAFAR ALI

**P**ELUKIS Zainal Abidin Musa mempunyai alasan tersendiri dalam menyetengahkan karya landskap bebe-

rapa tempat menarik di negara ini. Selain kerana tempat-tempat tersebut menimbulkan nostalgia dalam dirinya, menurut Zainal, 46, penampilan karya seperti itu juga membuktikan keindahan sesebuah kawasan seperti laut dan pantai di sekitar Pahang, Kelantan dan Terengganu.

Um 18/12/06

“Saya akan bawa peralatan melukis di kawasan itu. Sebelum merakamkannya di atas kanvas, saya akan memandangnya terlebih dahulu secara halus bagi menikmati keindahannya dan keindahan itulah yang akan saya paparkan untuk khalayak.

“Ini merupakan satu kehidupan yang perlu dinikmati oleh khalayak kerana ketenangan dan kedamaiannya,” kata Zainal ketika ditemui di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Jelas Zainal, dia begitu kagum dengan keindahan pantai terutama di kawasan Pantai Timur kerana pernah belajar di Universiti Teknologi Mara (UiTM), Dungun, Terengganu pada tahun 1960-an.

Beliau juga pernah tinggal di Bachok dan Tumpat di Kelantan.


“Pengalaman bergaul dan kehidupan di sana menjadikan saya tertarik untuk melukis karya landskap yang jelasnya mempunyai keindahan dan keunikan tersendiri,” tambah pelukis kelahiran Perak yang memiliki Ijazah Sarjana Muda Seni Halus di UiTM pada 1983 dan pernah bertugas dengan syarikat pengiklanan selama 16 tahun.

Antara karya menarik Zainal berjudul *Dusk At North Port 3*, *Teratai Di Janda Baik 3*, *Sunrise Over Tok Bali* dan *Waiting For Sunrise*.

Setiap karyanya dijual pada harga antara RM1,500 hingga RM40,000.



SUNRISE OVER MERSING



SUNRISE OVER TOK BALI



WAITING FOR SUNRISE OVER TELOK KALONG